

PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: KEMPEN SUATU PERMULAAN BAHARU (EKSKLUSIF)

Tempoh Kempen

“Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Suatu Permulaan Baharu (Eksklusif)” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad 2005501009144 ((686191-W) (“**HLISB**”)) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 Januari 2021 dan tamat pada 31 Mac 2021, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“**T&S**”):-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
 - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sebelum Tempoh Kempen (terpakai untuk Pelanggan sedia ada sahaja); dan
 - (d) Mempunyai baki atas kemudahan pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi dan/atau kemudahan kad kredit/kad kredit-i dengan bank lain dan/atau mempunyai aset sedia ada dengan Bank yang berjumlah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000).
2. Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat;
 - (c) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank; dan
 - (d) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu (1) Kemudahan (seperti yang tertera di Jadual 1 di bawah) sedia ada dengan Bank.

Mekanik Kempen

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:-

- (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada Kemudahan PF berikut (“**Kemudahan**”) untuk tempoh daripada dua (2) tahun hingga lima (5) tahun (“**Tempoh Kemudahan PF**”) dan amaun kemudahan terdapat dalam julat yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Kemudahan PF	Amaun Kemudahan Dipohon*	
	Amaun Minima	Amaun Maksima
Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	RM5,000	RM150,000

*Untuk mengelakkan dari keraguan, Amaun Kemudahan PF diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan Amaun Kemudahan PF dipohon.

Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektif dikenali sebagai “Kemudahan PF” untuk tujuan Kempen ini.

- (b) Membuat permohonan untuk Kemudahan PF melalui mana-mana saluran permohonan sebagai saluran Luar Talian seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Saluran Permohonan	Platform
Luar Talian	Cawangan Bank, Terminal am:pm, Jualan Terus, Jualan Telefon dan Perkhidmatan Cawangan dan Tablet Jualan

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di bawah Klausula 3 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”.

Kadar Faedah/Keuntungan dan Rebat Bayar Tepat Pada Masa untuk Kemudahan

4. Pelanggan yang Layak yang memohon untuk Kemudahan telah diluluskan dan disalurkan selewatnya 30 April 2021 layak menikmati **Kadar Faedah/Keuntungan Rata** mengikut cara yang tertera di Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Saluran Permohonan	Pendapatan Bulanan yang Sah	Kadar Faedah/Keuntungan Rata	Rebat Bayar Tepat Pada Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan	Tempoh Kemudahan PF
Luar Talian	RM2,000 - RM4,999	7.00% setahun	25%	2 hingga 5 tahun

	RM5,000 dan ke atas		50%	
--	---------------------	--	-----	--

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza daripada 12.50% setahun sehingga 12.91% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan-i daripada 2 tahun sehingga 5 tahun.

“**Pendapatan Bulanan Sah**” adalah pendapatan bulanan yang telah disahkan oleh Bank dan mungkin berbeza daripada pendapatan bulanan yang diperolehi oleh Pelanggan yang Layak.

- Pelanggan yang Layak yang permohonannya diluluskan dan disalurkan pada/sebelum 30 April 2021 dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan PF (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas jumlah kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”) seperti mana yang tertakluk di Jadual 3 di atas.
- Rebat akan dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir untuk Kemudahan (“**Tempoh Rebat**”). **Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa dua belas (12) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, untuk tempoh Kemudahan enam puluh (60) bulan, Tempoh Rebat efektif ialah empat puluh lapan (48) bulan.
- Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PF yang dihantar melalui saluran Luar Talian dengan Amaun Kemudahan Diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan PF lima (5) tahun dengan Rebat berkenaan 25% adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah:

Jadual 4

Amaun Kemudahan PF Diluluskan*	Tempoh Kemudahan PF (tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan PF Diluluskan	Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebat **
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)=(a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	7.00% setahun	RM1,750	RM115

*0.50% daripada Amaun Kemudahan PF Diluluskan akan ditolak semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan PF tersebut.

**Ansuran bulanan akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

Jadual 5

Rebat 25% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat	Ansuran bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat (dibundarkan ke RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/Tempoh Rebat	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM1,750 x 25% = RM437	RM437/48 bulan = RM9	RM115 – RM9 = RM110

Gambaran visual ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PF diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang tempoh lima (5) tahun dengan Rebat berkenaan 25% sepanjang tempoh Kemudahan PF:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang bewarna biru.

- Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan keenam (6) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang diberikan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
- Untuk mengelakkan daripada keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan kepada akaun kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera di Klausula 6 akan dianggap sebagai bayaran dahuluan atas ansuran bulanan. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Rebat bulanan. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh menghubungi Bank untuk maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat dari Bank.

10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
- (a) Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan PF sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - (b) notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan PF; atau
 - (c) Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan PF.

Umum

11. Dengan menyertai Kempen in, Pelanggan dengan ini:
- (i) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
 - (ii) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
 - (iii) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - (iv) bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 30 April 2021 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 30 April 2021 untuk sebarang sebab sekalipun;
 - (v) bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan PF dan/atau amaun Kemudahan PF diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat; dan
 - (vi) bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
12. Bank berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan;
 - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
 - (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

13. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB /Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
15. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.